

**Sultan Pahang Cadang Wujudkan Hari Masjid
Bernama
6 April, 2012**

KUANTAN, 6 April (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah menitahkan supaya Pahang mengisytiharkan "Hari Masjid" sebagai satu langkah untuk mengimarahkan institusi itu.

Titah baginda, Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) perlu mencari satu tarikh yang sesuai untuk tujuan itu.

"Idea ini, alangkah manisnya kalau ada hari masjid, secara tidak langsung dapat menyatukan hati rakyat agar mengimarahkan masjid.

"Usaha untuk memakmurkan masjid agar dapat diberi taufik dan hidayah selain dapat merencanakan aktiviti yang diatur oleh pegawai dan ahli jawatankuasa masjid," baginda bertitah demikian kepada pemberita selepas merasmikan masjid baru Masjid Sultan Ahmad Shah Felda Bukit Goh di sini, Jumaat.

Masjid yang boleh memuatkan 1,000 jemaah dalam satu-satu masa itu mula dibina pada 2009 dengan perbelanjaan hampir RM4 juta menerusi peruntukan RM1.9 juta daripada Muip dan RM1.9 juga lagi dari kerajaan persekutuan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657474>